

**PEMBANGUNAN EKONOMI AL-BANNA:
KONSEP DAN KAEDAH PELAKSANAAN**

TEUKU SURYA DARMA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

PEMBANGUNAN EKONOMI AL-BANNA: KONSEP DAN KAEDAH PELAKSANAAN

oleh

TEUKU SURYA DARMA

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2025

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Segala puji bagi Allah SWT, dengan izin-Nya tesis yang bertajuk "*Pembangunan Ekonomi al-Banna: Konsep dan Kaedah Pelaksanaan*" ini dapat disiapkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Dr. Radin Firdaus Radin Badaruddin dan penyelia bersama Profesor Dr. Zahri Hamat dan Profesor Madya Dr. Nor Asmat Ismail atas ilmu, kesabaran, dan dorongan mereka dalam membimbing saya menjadi seorang penyelidik yang berdikari serta menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dekan dan para pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, di atas segala galakan dan bantuan yang diberikan. Ucapan berbanyak terima kasih kepada semua informan, Prof. Dr. Mohammad Mulyadi; Dr. Erdiriyo; Agus Khotib SE., M.Si., Ak.; Rifki Ismal, Ph.D.; Dr. Ardi; Mudzakir, Ak.; Dr. Suhartono; Sigit Pramono, Ph.D.; Dr. Muhammad Abrar.

Akhirnya, saya ingin merakamkan berbanyak terima kasih atas sokongan keluarga tercinta, khusus kepada istri saya, Wahyu Fatihah, serta anak-anak saya, 'Athifah, 'Athiyah, 'Akif, 'Umair dan 'Amirah; kedua-dua ibu bapa saya, almarhum Bapa Teuku Dahlan dan Ibu Rohani, serta almarhum Bapa Usman Ibrahim dan Ibu Suriyati; juga saudara-saudari saya, dalam menyiapkan tesis ini.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI JADUAL	viii
PANDUAN TRANSLITERASI	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.2.1 Biografi Ringkas Hasan al-Banna	3
1.2.2 Pendekatan Hasan al-Banna Terhadap Isu-isu Ekonomi Umat.....	7
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Persoalan Kajian.....	21
1.5 Objektif Kajian.....	22
1.6 Definisi Operasional.....	22
1.6.1 Pembangunan Ekonomi.....	22
1.6.2 Falsafah Pembangunan Ekonomi	24
1.6.3 Sistem Pembangunan Ekonomi	25
1.6.4 Prinsip Pembangunan Ekonomi	26
1.6.5 Kaedah Pembangunan Ekonomi.....	27
1.7 Skop dan Batasan Kajian	27
1.7.1 Batasan Sumber Kajian	28
1.7.2 Batasan Kandungan dan Analisis	28

1.8	Kepentingan Kajian.....	28
1.9	Organisasi Tesis	30
BAB 2 SOROTAN KARYA		32
2.1	Pengenalan	32
2.2	Teori dan Pendekatan Pembangunan Ekonomi Konvensional	33
2.3	Teori dan Pendekatan Pembangunan Ekonomi Islam.....	39
2.4	Ulasan Sorotan Karya	50
2.5	Kerangka Teori.....	58
2.6	Kerangka Konseptual	60
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....		64
3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	69
3.3.1	Pengumpulan Data Sekunder	70
3.3.2	Pengumpulan Data Primer.....	70
3.3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soalan Temu Bual	72
3.3.4	Pensampelan Kajian	73
3.4	Kaedah Penganalisisan Data	74
3.4.1	Penganalisisan Data Sekunder.....	76
3.4.2	Penganalisisan Data Primer.....	78
BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS		81
4.1	Pengenalan	81
4.2	Konsep Pembangunan Ekonomi Hasan al-Banna.....	82
4.2.1	Falsafah Pembangunan Ekonomi (Falsafah Infak).....	83
4.2.2	Sistem Pembangunan Ekonomi (<i>al-Isytirākiyyah al-Ma'qūlah</i> /Sosial-Rasional)	88
4.2.3	Prinsip Pembangunan Ekonomi	94
4.2.4	Kaedah Pembangunan Ekonomi.....	105

4.2.4(a)	Memandang Harta yang Halal (<i>al-māl al-ṣāliḥ</i>) sebagai Asas Penghidupan.....	107
4.2.4(b)	Mewajibkan Setiap Orang yang Mampu untuk Bekerja dan Berusaha	109
4.2.4(c)	Mengekstrak Kekayaan Alam dan Memanfaatkan Potensi Bahan Mentah yang Terdapat di Bumi	112
4.2.4(d)	Mengharamkan Pendapatan Melalui Usaha Haram.....	113
4.2.4(e)	Mengurangkan Jurang Perbezaan di antara Pelbagai Lapisan Masyarakat	115
4.2.4(f)	Menggalakkan Penggunaan Kekayaan untuk Mendukung Kebaikan	117
4.2.4(g)	Kesucian Harta dan Menghormati Kepemilikan Peribadi	119
4.2.4(h)	Mengatur Muamalat Kewangan.....	121
4.2.4(i)	Memberikan Jaminan Sosial dan Elaun Penghidupan Kepada Setiap Penduduk Negeri serta Memastikan Kesejahteraan.....	124
4.2.4(j)	Menjadikan Negara Bertanggungjawab Melindungi Sistem	125
4.2.5	Konsep Pembangunan Ekonomi Hasan al-Banna Dalam Pendekatan Ilmu (epistemologi, ontologi, metodologi dan moraliti)	128
4.3	Potensi Pelaksanaan Amalan Ekonomi Praktikal di Indonesia.....	134
4.3.1	Amalan Ekonomi yang Berpotensi untuk Dilaksanakan.....	138
4.3.2	Amalan Ekonomi yang Tidak Berpotensi untuk Dilaksanakan	146
4.3.3	Amalan Ekonomi yang Berpotensi Dilaksanakan Namun Sukar.....	147
BAB 5 PENUTUP.....		152
5.1	Pengenalan	152
5.2	Rumusan Kajian	152
5.2.1	Konsep Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam Mengikut Pandangan Hasan al-Banna Mencakupi Falsafah, Sistem, Prinsip dan Kaedah Praktikal	153

5.2.2	Potensi Aplikasi Pelaksanaan Amalan Ekonomi di Indonesia Berdasarkan Konsep Pembangunan Ekonomi Mengikut Pandangan Hasan al-Banna	155
5.3	Implikasi Dasar Kajian.....	157
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	159
5.5	Kesimpulan	160
RUJUKAN		162

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kajian Konsep Pembangunan Ekonomi Hasan al-Banna	60
Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian Konsep Pembangunan Ekonomi Hasan al-Banna	68
Rajah 4.1 Kerangka Konsep Pembangunan Ekonomi Hasan al-Banna.....	83

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Pembahagian Kajian Mengikut Pemikiran dan Idea Hasan al-Banna Dalam Pelbagai Perspektif 12
Jadual 1.2	Permasalahan Semasa Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam 19
Jadual 2.1	Perbezaan Tiga Komponen Dasar Kewujudan Sistem Ekonomi Kapitalis, Marxis - Sosialis dan Islam 47
Jadual 2.2	Perbandingan Konsep Pembangunan Ekonomi Konvensional, Islam Semasa dan Pandangan Hasan al-Banna 56
Jadual 3.1	Kategori dan Jawatan Informan..... 74
Jadual 4.1	Amalan Pembangunan Ekonomi Mengikut Hasan al-Banna 136

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ء	'
ش	sy	ي	y
ص	ṣ	ة	ṭ
ض	ḍ		

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
َ (fathah)	a	قَاتَتْ	qanata
ِ (kasrah)	i	سَلِمَ	salima
ُ (dommah)	u	جُعِلَ	ju'ila

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
َا	ā	كُبْرَى/بَابُ	bāb/kubrā
ِي	ī	وَكَيْلُ	wakīl
ُو	ū	سُورَةُ	sūrah

Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أَوْهَ	aw	قَوْلَ	qawl
إِيَهَ	ay	خَيْرَ	khayr

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Siri Soalan Temu Bual Berstruktur
Lampiran B	Transkrip Hasil Temu Bual

PEMBANGUNAN EKONOMI AL-BANNA: KONSEP DAN KAEDAH PELAKSANAAN

ABSTRAK

Pandangan dan fokus Hasan al-Banna terhadap pelbagai isu masyarakat, terutamanya dalam bidang ekonomi merupakan teras kepada ideologinya seperti yang dinyatakan dalam syarahan dan penulisannya termasuk risalah, kertas kerja dan transkrip ucapan. Salah satu pandangan utama Hasan al-Banna ialah menyeru kepada penerapan ideologi Islam yang merangka asas-asas konsep ekonomi yang fleksibel. Konsep ini bertujuan untuk membimbing aktiviti ekonomi dan pembangunan ke arah meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Walaupun Hasan al-Banna banyak membincangkan mengenai reformasi ekonomi dan penambahbaikan masyarakat, topik-topik ini masih belum diterokai secara menyeluruh sebagai satu badan ilmu yang tersusun. Oleh itu, satu kajian kualitatif telah dijalankan bagi memperdalam pemahaman terhadap pemikiran ekonomi Hasan al-Banna. Kajian ini mendedahkan falsafah, sistem dan prinsip ekonomi yang dibangunkan oleh Hasan al-Banna yang berakar umbi dalam ajaran Islam melalui al-Qur'an dan Hadis. Falsafah beliau merangkumi prinsip infak yang menjadi asas kepada satu sistem ekonomi yang dikenali sebagai *al-Isytirākiyyah al-Ma'qūlah*, iaitu sosial-rasional. Sistem ini dibina berasaskan prinsip-prinsip persaudaraan, belas kasihan, keikhlasan dan kepercayaan terhadap balasan Tuhan di dunia dan akhirat. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti bahawa amalan ekonomi berdasarkan pendekatan yang dianjurkan oleh Hasan al-Banna berpotensi untuk diaplikasikan di Indonesia.

**AL-BANNA'S ECONOMIC DEVELOPMENT:
CONCEPT AND IMPLEMENTATION METHODS**

ABSTRACT

Hasan al-Banna's concerns and views on various societal issues, particularly in economics, are central to his ideology, as expressed in his lectures and writings, including circulars, papers, and speech transcripts. One of Hasan al-Banna's key perspectives advocates adopting an Islamic ideology that outlines the foundations of a flexible economic concept. This concept aims to guide economic and developmental activities to enhance the standard of living and overall well-being of the populace. Despite Hasan al-Banna's discussions on economic reform and societal improvement, these topics have not been thoroughly explored as a coherent body of knowledge. Thus, a qualitative study was conducted to deepen the understanding of Hasan al-Banna's economic thoughts. This study revealed the philosophy, systems, and economic principles developed by Hasan al-Banna, rooted in Islamic teachings from the Quran and Hadith. His philosophy encompasses the principle of infak, which underpins an economic system termed *al-Isytirākiyyah al-Ma'qūlah*, characterized by social rationality. This system is based on principles of brotherhood, compassion, altruism, and a belief in divine retribution, both in this world and the hereafter. Furthermore, this study identified that the economic practices based on the methodologies advocated by Hasan al-Banna have the potential for application in Indonesia.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Antara isu kritikal dalam bidang ekonomi yang dibangkitkan oleh Hasan al-Banna (2012c) semasa Mesir berada di bawah penjajahan British ialah larangan terhadap rakyat Mesir untuk mengurus sumber asli milik mereka sendiri. Hasan al-Banna menjelaskan bahawa Mesir memiliki kekayaan dan sumber alam yang melimpah, namun sumber-sumber tersebut terutamanya yang paling berpotensi masih dikuasai oleh pihak asing dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui pemilikan swasta mahupun milik kerajaan.

Selain itu, beliau turut menyuarakan kebimbangan terhadap kewujudan jurang yang sangat besar di antara golongan kaya dan miskin di Mesir dengan masyarakat miskin menghadapi kesukaran hidup yang berpanjangan. Realiti ini dikritik oleh al-Banna (2012c), lebih-lebih lagi apabila ia berlaku dalam sebuah negara yang majoriti penduduknya Muslim. Situasi ini juga berlaku dalam konteks umat Islam ketika itu berada di tengah-tengah pertembungan ideologi ekonomi yang kuat, iaitu antara kapitalisme, sosialisme dan komunisme.

Al-Banna (2012c) berpandangan bahawa tidak satu pun di antara ideologi tersebut berupaya membawa kebaikan terhadap kehidupan umat Islam kerana semuanya terkandung pelbagai kelemahan yang sangat mendasar, meskipun dilihat memiliki beberapa kelebihan. Oleh yang demikian, al-Banna (2007) menyatakan bahawa konsep ekonomi dengan pendekatan Islam harus diterap dan diaplikasikan.

Kepedulian dan pandangan beliau terhadap pelbagai persoalan umat, khususnya dalam bidang ekonomi merupakan sebahagian daripada pemikirannya yang dikemukakan dalam pelbagai kesempatan melalui ceramah dan penulisan termasuk risalah, makalah dan transkrip pidato. Sebagai contoh, dalam usaha merapatkan jurang di antara golongan kaya dan miskin, al-Banna (2007) menjelaskan bahawa:

‘Terhadap orang kaya, Islam menetapkan pintu perniagaan untuk mereka, memberi peluang kepada mereka untuk memperoleh kekayaan, mewajibkan zakat, melarang riba, menghalang mereka daripada muncul dalam kemewahan. Kekayaan mereka dalam masyarakat Islam tidak dianggap sebagai tanda kemuliaan. Malah mereka diancam dengan penyeksaan di dunia dan akhirat jika mereka tidak memenuhi hak Allah dan manusia dalam hal harta.

Kepada golongan miskin, Islam menghapuskan makna kelemahan sosial yang disebabkan oleh kemiskinan, mereka wajib bekerja dan menunjukkan pintu kerja kepada mereka. Apabila mereka tidak mampu, mereka bergantung terutamanya kepada sanak saudara mereka. Kedua, jika saudara-mara tidak mampu, akan menjadi tanggungan orang kaya. Ketiga, kemudian menjadi Baitulmal atau perbendaharaan untuk bergantung. Hak mereka dalam kekayaan orang kaya juga ditetapkan dalam undang-undang.

Selepas itu, kerajaan mesti memastikan keseimbangan ini dan cuba mempertahankan perkara yang mengganggu keseimbangan ini pada setiap masa. Di bawah pemerintahannya, kerajaan mesti menentukan semua kuasa perundangan dan eksekutif yang diperlukan untuk memulihkan keadaan. Selepas keadaan ini berjalan lancar, tidak ada yang lain untuk mereka meminta lebih banyak.’

Secara ringkas, dapat difahami bahawa kritikan dan pandangan kritis al-Banna (2012c) merupakan satu seruan kepada umat Islam agar tidak terus bergantung kepada ideologi barat (kapitalisme, sosialisme dan komunisme). Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa umat Islam sebenarnya mampu menjalani kehidupan dalam batas dan panduan yang jelas kerana telah memiliki satu sistem yang sempurna sebagaimana yang terkandung dalam ajaran Islam. Sistem ini boleh dijadikan asas kepada satu bentuk pembaharuan yang bersifat menyeluruh dan holistik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahagian pertama dalam sub pembahasan ini menerangkan terlebih dahulu tentang sifat dan keperibadian Hasan al-Banna serta hubungannya dengan penubuhan dan perkembangan gerakan *al-Ikhwān al-Muslimīn*. Bahagian kedua pula mengulas isu kritikal dalam bidang ekonomi yang dibangkitkan dan dikemukakan Hasan al-Banna melalui pelbagai penulisan seperti risalah dan makalah serta ceramah beliau sebagaimana yang kemudiannya dihipunkan dalam beberapa kitab, terutamanya yang terkandung dalam kitab *Majmu'at al-Rasā'il*.

1.2.1 Biografi Ringkas Hasan al-Banna

Apabila membicarakan perjalanan hidup Hasan al-Banna, perbincangan sebenarnya tertumpu kepada kehidupan seorang tokoh yang mula memimpin gerakan dakwah pada usia yang masih muda, iaitu sekitar 22 tahun dan meninggal dunia dalam usia yang agak singkat, iaitu 43 tahun (1906-1949). Kematian Hasan al-Banna itu, membawa Sa'īd Ramaḍān al-Buṭī¹ kepada satu pandangan bahawa umat manusia telah kehilangan seorang tokoh yang sukar dicari pengganti setaraf dengannya dalam satu zaman.

Ḥasan Aḥmad 'Abd al-Raḥmān al-Banna dilahirkan di Kota al-Maḥmūdiyyah, di bahagian Delta Nil Provinsi Buhaira, Mesir, pada hari Ahad, 25 Sya'ban 1324H, bersamaan 14 Oktober 1906. Datuknya 'Abd al-Raḥmān merupakan seorang petani daripada keluarga yang sederhana. Namun begitu, ayahnya, Syaikh Aḥmad bin 'Abd al-Raḥmān membesar tanpa terlibat dalam pertanian. Sebaliknya, ayahnya

¹ Sa'īd Ramaḍān al-Buṭī menyatakan bahawa “kematian al-Banna merupakan satu kehilangan besar bagi umat Islam, seolah-olah tiada lagi yang sebanding dengannya pada zamannya.” (sebagaimana dipetik dalam Talimat, 2006, hlm 415).

menumpukan diri kepada pengajian agama, menghafal al-Qur'an, mendalami ilmu syariat serta mengajar *al-Sunnah al-Nabawiyyah* berdasarkan kitab Hadis terkenal *al-Fath al-Robbānī li Tartīb Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥambal al-Syaybānī*. Oleh kerana keilmuannya dalam bidang Hadis, beliau dikenali sebagai seorang ulama Hadis.

Menurut Matta (1998), Hasan al-Banna merupakan seorang insan yang dibesarkan di bawah asuhan seorang ayah yang alim, dalam suasana kehidupan yang sederhana tetapi bersih serta dikelilingi oleh nilai-nilai Islam yang kuat dalam keluarga. Faktor-faktor inilah yang membentuk keperibadian Hasan al-Banna yang mulia sejak kecil hingga dewasa.

Untuk mengenali peribadi Hasan al-Banna secara mendalam, tidak memadai dengan hanya membaca pelbagai risalah yang ditulis olehnya. Pemahaman tersebut perlu dilengkapi dengan penjelasan daripada para aktivis dakwah dan pelajar yang pernah berinteraksi secara langsung dengan beliau. Antara tokoh yang memberikan gambaran sedemikian ialah Muḥammad al-Ghazālī (1988/2021), yang menggambarkan Hasan al-Banna sebagai seorang yang sentiasa membaca al-Qur'an secara teratur dengan suara yang lembut serta memahami tafsirnya dengan mendalam seakan-akan beliau adalah al-Ṭabarī atau al-Qurṭubī. Beliau memiliki kebolehan untuk memahami makna-makna yang paling sukar dan kemudian menyampaikannya kepada khalayak umum dengan gaya yang mudah difahami dan bersahaja. Sejarah Islam pula dikuasainya melalui kajian mendalam terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi naik turun setiap zaman dalam sejarah tersebut.

Sementara itu, Abū al-Ḥasan al-Nadwī, Pengerusi Majlis Ulama Lucknow, India, dalam mukadimah beliau terhadap kitab *Majmu'at al-Rasā'il* (al-Banna, 2012a),

menggambarkan Hasan al-Banna sebagai seorang insan yang dianugerahkan oleh Allah SWT dengan pemikiran yang tajam, kefahaman yang cemerlang, wawasan yang luas, kepekaan jiwa, hati yang diberkati, semangat yang membara, lisan yang fasih serta sifat zuhud dan *al-qanā'ah*. Beliau juga memiliki cita-cita dan aspirasi yang tinggi dalam menyebarkan dakwah. Pelbagai sifat dan anugerah ini saling melengkapi dan membentuk keperibadian kepimpinan Hasan al-Banna dalam dua bidang utama: kepimpinan agama-sosial dan agama-politik. Bahkan, al-Nadwī (al-Banna, 1999) dalam mukadimah beliau terhadap kitab *Mudhakkirāt al-Da'wah wa al-Dā'iyah* menegaskan bahawa selama berabad-abad, dunia Arab belum pernah mengenali suatu bentuk kepimpinan yang lebih kuat dan lebih berpengaruh berbanding kepimpinan Hasan al-Banna.

Berpandukan memoir al-Banna (1999), difahami bahawa keluasan dan kedalaman ilmunya bermula sejak di sekolah menengah rendah sebelum beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Guru Rendah di Damanhur. Pada tahun 1923, beliau memasuki Fakulti *Dār al-'Ulūm* di Kaherah dan menamatkan pengajian pada tahun 1927. Sepanjang tempoh pengajian, beliau bukan sahaja mengikuti kurikulum formal, bahkan turut menimba ilmu dalam bidang pemerintahan, ekonomi, politik, bahasa, kesusasteraan, undang-undang, geografi dan sejarah. Keilmuan pelbagai disiplin ini akhirnya menjadikan beliau seorang *faqih* yang serba boleh.

Menurut Ramaḍān (2005), metodologi keilmuan Hasan al-Banna mempunyai keistimewaan tersendiri, khususnya keupayaannya menterjemah teori dan idealisme menjadi realiti yang boleh dilaksanakan. Keistimewaan tersebut didukung oleh kebolehannya mengurus organisasi; dengan izin Allah SWT, beliau berjaya menubuhkan dan memimpin gerakan *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn*. Abdullah

(1999) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa kepimpinan Hasan al-Banna diiktiraf dalam pelbagai dimensi, dari segi intelektual sebagai perangka konsep, dari segi moral sebagai *al-murabbī* (pendidik) dan dari segi sosial-politik sebagai pemimpin sebuah gerakan yang berkembang pesat.

Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn telah diasaskan oleh Hasan al-Banna pada bulan Mac 1928. Gerakan ini diasaskan berdasarkan pendekatan *syārikah ijābiyyah wa banā'a* (penyertaan yang positif dan bersifat konstruktif). Tujuan utamanya adalah untuk melakukan pembaikan umat, bukannya merosakkan atau menghancurkan melalui sikap yang hanya mengkritik secara negatif, mencari kesalahan, kelemahan dan sisi-sisi negatif kerajaan tanpa menawarkan penyelesaian yang sesuai (al-Qarḍāwī, 2003).

Hasan al-Banna sering menegaskan bahawa gerakan yang diasaskannya bukanlah sebuah parti politik tetapi merupakan kesatuan idea yang menghimpunkan pelbagai nilai pembaikan dengan matlamat membawa umat kepada Islam yang tulen dan murni serta menjadikannya sebagai satu *manhaj* hidup yang bersifat menyeluruh (al-Muhalhal, 1997). Dalam erti kata lain, menurut al-Wakīl (2001), Hasan al-Banna merupakan tunjang kepada ideologi *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn* yang menggariskan hala tuju gerakan ini sebagai satu entiti yang menggabungkan kehidupan beragama dengan politik serta menyatukan aspek sosial dan ekonomi. Melalui gerakan ini, Islam dapat ditransformasikan daripada kerangka konseptual kepada bentuk yang lebih praktikal dengan aplikasi yang dinamik dan menyeluruh dalam kehidupan seharian.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn* yang ditubuhkan oleh Hasan al-Banna merupakan sebuah gerakan keislaman yang

menumpukan segala potensi pemuda Islam untuk berkhidmat kepada Islam, menjunjung syariat serta meninggikan dan membangunkan kegemilangannya. Meskipun pelbagai peristiwa telah menimpa gerakan ini, pengaruh intelektualnya tetap tidak dapat dinafikan (al-Qaṭṭān, 2001).

1.2.2 Pendekatan Hasan al-Banna Terhadap Isu-isu Ekonomi Umat

Ajaran Islam, sebagaimana difahami oleh al-Banna (2012b), merangkumi amalan yang bersifat universal dalam setiap aspek kehidupan termasuk akidah dan ibadah, daulah dan tanah air, akhlak dan kebendaan, toleransi dan kekuatan, tamadun dan undang-undang. Dalam erti kata lain, Islam yang difahami oleh Hasan al-Banna mencakupi agama dan kerajaan, daulah dan ummah, dakwah dan jihad. Oleh itu, al-Banna (2012c) mengesyorkan agar umat Islam memilih ideologi Islam yang telah menggariskan asas-asas kepada konsep ekonomi yang fleksibel serta mampu menjadi panduan dalam merancang aktiviti dan program ekonomi serta pembangunan yang dapat meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam mencadangkan pelaksanaan sistem ekonomi yang selaras dengan ajaran Islam, al-Banna (2012c) melalui Kitab *Majmu'at al-Rasā'il* telah mengetengahkan sepuluh **kaedah ekonomi** yang bersifat praktikal, iaitu: i) memandang harta yang halal (*al-māl al-ṣāliḥ*) sebagai asas penghidupan; ii) mewajibkan setiap individu yang berkemampuan untuk bekerja dan berusaha; iii) meneroka kekayaan alam dan memanfaatkan potensi sumber mentah yang terdapat di bumi; iv) mengharamkan pendapatan yang diperoleh melalui usaha yang batil atau haram; v) mengurangkan jurang perbezaan antara pelbagai lapisan masyarakat; vi) menggalakkan penggunaan kekayaan bagi menyokong semua bentuk kebaikan; vii) memastikan kesucian harta dan menghormati hak pemilikan peribadi; viii) mengatur muamalat kewangan secara

adil dan telus; ix) menyediakan jaminan sosial dan elaun penghidupan kepada setiap warga negara serta memastikan kesejahteraan mereka; dan x) menjadikan negara sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam melindungi dan melaksanakan sistem ini.

Sebagai bentuk pelaksanaan kepada kaedah ekonomi yang telah dinyatakan sebelum ini, al-Banna (1999) telah mengirimkan sebuah surat ringkas kepada para raja, amir, ketua pemerintahan Islam, ahli-ahli parlimen, organisasi Islam serta golongan cendekiawan antarabangsa. Surat tersebut mengandungi lima puluh tuntutan amalan yang berasaskan kekuatan umat dan menjadikan ajaran Islam sebagai landasan pemikiran serta kerangka dasar tindakan.

Antara tuntutan tersebut ialah sepuluh **amalan ekonomi** yang dijelaskan secara ringkas dalam *Majmu'at al-Rasā'il* (al-Banna, 2012c), iaitu: i) mengurangkan pergantungan mata wang negara kepada mata wang asing; ii) pengurusan sistem percukaian secara adil dan efisien; iii) penghapusan amalan riba; iv) pengoptimuman penggunaan potensi sumber alam; v) pelaksanaan nasionalisasi terhadap perusahaan penting; vi) penumpuan terhadap pembangunan sektor perindustrian; vii) penubuhan industri domestik (*home industry*); viii) pengurangan kebergantungan kepada keperluan sekunder; ix) pengutamaan terhadap keperluan asas rakyat; dan x) penambahbaikan terhadap sistem pemilikan harta.

Namun demikian, al-Banna (2007) menegaskan bahawa kesemua amalan ekonomi tersebut tidak akan dapat direalisasikan tanpa campur tangan dan perlindungan daripada pihak kerajaan, sama ada melalui pelaksanaan undang-undang atau, jika keadaan mendesak, menerusi tindakan lebih tegas termasuk penggunaan kekuatan ketenteraan. Dalam konteks Kerajaan Mesir, al-Banna (2012c) mengingatkan pemerintah agar segera melaksanakan pembaharuan dengan kembali

kepada ajaran Islam yang lurus serta menggabungkan pelbagai potensi kebaikan yang ada supaya pentadbiran dapat dipandu dan ditunjangi oleh cahaya ajaran Islam. Sekiranya hal ini tidak dilakukan, maka adalah mustahil untuk mencapai pembaharuan sebenar yang diharapkan oleh negara Mesir.

Dalam hal ini, Syaikh Yāsin (1998) menyatakan bahawa asas sebenar kepada pembaharuan yang dimulakan oleh Hasan al-Banna ialah pembaharuan iman dan pengukuhan hubungan dengan Allah SWT. Melalui asas ini, al-Banna mempersiapkan satu generasi yang memahami tujuan hidup, menyedari jalan perjuangan serta sanggup berkorban demi Islam. Di samping itu, menurut Mitchell (1993), kepentingan pembaharuan dan pembaikan ekonomi umat sebagaimana yang disampaikan oleh Hasan al-Banna dapat dirumuskan kepada dua perkara utama. Pertama, pembaharuan ekonomi merupakan asas kepada pencapaian kemerdekaan politik. Kedua, pembaharuan ekonomi dalam bentuk jaminan ekonomi dan sosial kepada golongan majoriti miskin merupakan langkah terpenting ke arah penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan jurang kemiskinan dan konflik antara kelas sosial dalam masyarakat.

Oleh yang demikian, pendekatan pembaharuan kepada aspek ideologi Islam yang disampaikan oleh Hasan al-Banna telah menyebabkan beliau dianggap sebagai pemimpin pembaharuan. Misalnya Makhluḥ² menyebut bahawa Hasan al-Banna merupakan seorang di antara tokoh Islam pembaharuan di abad ke-20 yang dakwahnya mengikut manhaj orang-orang soleh (*al-salaf al-ṣāliḥ*) yang diintisarikan daripada al-Qur'an, Sunah dan semangat hukum Islam. Selain itu, Abū Fāris (2011) meletakkan Hasan al-Banna sebagai seorang ulama yang layak dalam memahami nas syarak, sekali

² Kesaksian ini dipetik oleh al-Jundī (2012) daripada pernyataan Syaikh Ḥasanain Makhluḥ (Mufti Mesir).

gus mengikuti peristiwa kontemporer dan mendalami pelbagai persoalan pada masanya sama ada di dalam ataupun di luar wilayah Arab.

Hasan al-Banna, sebagai pemimpin gerakan Ikhwan al-Muslamin, telah menjadikan al-Qur'an sebagai rujukan utama dalam menyampaikan pemahaman tentang Islam serta dalam usaha menggerakkan kehidupan masyarakat (Bennabi, 1994; Matta, 1998). Oleh yang demikian, Matta (1998) menyimpulkan bahawa pandangan al-Qur'an yang dikemukakan oleh Hasan al-Banna dalam pelbagai dimensi kehidupan merupakan satu usaha untuk menghubungkan semula nilai, pemikiran, strategi, sistem dan perwatakan manusia dengan rujukan utama mereka, iaitu al-Qur'an, dalam rangka melaksanakan agenda pembaharuan serta menjawab pelbagai permasalahan umat.

Sebagai penjelasan awal, dapat diuraikan bahawa konsep pembangunan ekonomi yang dikemukakan oleh al-Banna (2007) merupakan satu sistem ekonomi yang dibina berasaskan makna kata *al-Infāq* dalam ayat ke-3 Surah al-Baqarah. Makna *al-Infāq* dalam ayat ini mengekalkan dan menghadirkan dua prinsip asas dalam sistem ekonomi Islam. Pertama, penghargaan terhadap bakat dan hak individu ke atas hasil perniagaannya serta pengiktirafan terhadap kebebasan untuk berusaha selagi mana perniagaan tersebut sah, baik, tidak mengandungi dosa atau unsur permusuhan. Kedua, penegasan hak masyarakat dalam perniagaan individu dan kewajipan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan anggota ummah yang satu. Sistem ekonomi ini diperkenalkan oleh Hasan al-Banna dengan istilah *al-Isytirākiyyah al-Ma'qūlah* (sosial-rasional).

Seterusnya, al-Banna (2007) menegaskan bahawa pelaksanaan sistem ekonomi *al-Isytirākiyyah al-Ma'qūlah* mesti diasaskan kepada empat teras utama,

iaitu menghormati nilai persaudaraan, membudayakan semangat belas kasihan, mencintai kebaikan serta beriman kepada pembalasan di dunia dan akhirat. Selain itu, al-Banna (2012c) turut menyeru umat Islam agar memiliki tekad dan amalan yang kukuh dalam mempererat hubungan sesama mereka. Antara usaha yang disarankan termasuklah penganjuran lawatan dan pembelajaran ilmiah di peringkat antarabangsa sebagai medium untuk menyebarkan semangat perpaduan dan saling membantu dalam kalangan negara-negara Islam.

Berdasarkan huraian di atas, kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk meneroka konsep pembangunan ekonomi yang diketengahkan dalam kitab-kitab yang menghimpunkan pemikiran Hasan al-Banna. Antara kitab yang dimaksudkan termasuk *Majmu'at al-Rasā'il*; *Mudhakkirāt al-Da'wah wa al-Dā'iyyah*; *Maqāsid al-Qur'ān al-Karīm li al-Imām al-Syahīd Ḥasan al-Banna*; dan *Ḥadīth al-Thulātha' li al-Imām Ḥasan al-Banna*. Kitab-kitab ini terdiri daripada himpunan risalah, makalah serta catatan yang merangkumi pemahaman, pemikiran dan pandangan Hasan al-Banna, yang kemudiannya dijadikan sebagai rujukan utama dalam manhaj *Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn*³ (Hidayat, 2013).

Selari dengan itu, Matta (1998) menjelaskan bahawa beberapa kitab tersebut merangkumi doktrin penting untuk dibahas kerana idea-idea daripada Hasan al-Banna telah mendapat sokongan dan mempengaruhi beberapa gerakan Islam lain yang ditubuhkan di seluruh dunia untuk kebangkitan Islam abad ke-20. Matta (1998) menjelaskan bahawa beberapa kitab tersebut mengandungi doktrin penting yang wajar

³ Nama sebenarnya ialah '*al-Ikhwān al-Muslimīn*' yang bermakna 'saudara-saudara Muslim'. Dalam perkembangannya, gerakan ini lebih dikenali dengan nama popular 'Ikhwan al-Muslimin'. Gerakan Islam antarabangsa ini diasaskan pada tahun 1928 di Mesir sebagai cerminan daripada aspirasi Hasan al-Banna dan para pendukungnya untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam dan membebaskan negara-negara yang majoriti penduduknya beragama Islam daripada penjajahan.

dibahas, memandangkan idea-idea yang dikemukakan oleh Hasan al-Banna telah mendapat sokongan meluas dan mempengaruhi pelbagai gerakan Islam lain yang muncul di seluruh dunia dalam kebangkitan Islam pada abad ke-20.

Ringkasnya, pemikiran dan konsep Hasan al-Banna serta gerakan Ikhwan al-Muslimin yang diasaskannya telah menunjukkan komitmen yang menyeluruh terhadap ajaran Islam, sama ada dari segi akidah, syariat mahupun sebagai satu sistem kehidupan. Hal ini telah diketengahkan oleh al-Muhalhal (1997) melalui kajian beliau terhadap prinsip dan karakteristik pemikiran dakwah gerakan Ikhwan al-Muslimin berdasarkan kitab *Majmu'at al-Rasā'il*. Secara lebih mendalam, 'Abd al-Ḥamīd al-Ghazālī (2001) mendapati bahawa pemikiran dan idea Hasan al-Banna merangkumi peta jalan (*road map*) dan amalan yang relevan untuk kebangkitan Islam pada masa kini dan akan datang, merentasi pelbagai bidang seperti politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, perundangan, ilmu pengetahuan serta aspek-aspek kehidupan yang lain. Beliau turut menjelaskan bahawa dakwah yang dibawa oleh al-Banna mencakupi pelbagai dimensi lain termasuk pendidikan dan nasionalisme, sebagaimana yang diuraikan dalam kitab *Majmu'at al-Rasā'il* dan telah menjadi subjek kajian oleh ramai penyelidik (lihat Jadual 1.1).

Jadual 1.1 Pembahagian Kajian Mengikut Pemikiran dan Idea Hasan al-Banna
Dalam Pelbagai Perspektif

Disiplin Ilmu	Ulasan Kajian	Pengkaji
Gerakan Dakwah	<i>Kubrā Harakāt al-Islāmiyyah fī al-Qur'ān al-Rabi'i 'Asyara al-Hijrī</i>	al-Wakīl (2001)
	<i>Tarikh al-Ikhwān al-Muslimīn</i>	al-'Azīs (2007)
Sosial dan Politik	<i>Al-Tarbiyah al-Siyāsiyyah 'inda Ḥasan al Banna</i>	al-Qarḍāwī (2018)
	<i>Fiqh Politik Hasan al-Banna</i>	Ishāq (2012)

	<i>Al-Fiqh al-Siyasi 'inda al-Imām al-Syahid Ḥasan al-Banna</i>	Abū Fāris (2011)
	<i>Pemikiran Politik Hasan al-Banna</i>	Otoman (2015) Dewi (2015)
	<i>8 Dekade Pergulatan Politik Ikhwanul Muslimin Menuju Kekuasaan</i>	Dzakirin (2016)
Pendidikan	<i>Pemikiran Pendidikan Islam Menurut Hasan al-Banna (Studi atas Sistem Pendidikan Ikhwan al-Muslimin)</i>	Waskito (2014)
	<i>Pemikiran Pendidikan Islam Hasan al-Banna</i>	Djalaluddin (2015)
Jihad dan Nasionalisme	<i>Pemikiran Hasan al-Banna tentang Jihad</i>	Nuraini (2015)
	<i>Risalah Jihad Hasan al-Banna</i>	Mohammad (2016)
	<i>Hasan al-Banna, Ikhwanul Muslimin dan Nasionalisme</i>	Hidayat (2013)
	<i>Hasan al-Banna dan Kemerdekaan Indonesia</i>	Alatas (2013)
Lain-lain	<i>Li al-Du'āt Faqat: Da'wah al-Ikhwān – Haqāiq, Syubhāt, Tamanniyyāt</i>	al-Muhalhal (1997)
	<i>Ḥaula Asāsiyyāh al-Masyru'i al-Islām li Nahḍah al-Ummah: Qirāah fi Fikr al-Imām al-Syahīd Ḥasan al-Banna</i>	'Abd al-Ḥamīd al-Ghazālī (2001)

Berdasarkan Jadual 1.1 di atas, secara umum kajian mengenai pemikiran Hasan al-Banna boleh dibahagikan kepada empat kelompok utama. Pertama, ialah kelompok kajian dari perspektif gerakan dakwah, iaitu kajian yang melihat Islam sebagai ajaran yang merangkumi aspek akidah dan ibadah. Dalam perspektif ini, Islam difahami sebagai satu ajaran yang harus diikuti dengan pengamalan dalam kehidupan harian sebagai bukti keimanan dan keislaman yang sebenar.

Kedua, ialah kajian yang melihat pemikiran Hasan al-Banna dari perspektif sosial-politik. Ia menekankan bahawa urusan kenegaraan merupakan sebahagian daripada urusan agama dan tidak wujud pemisahan antara keduanya. Sebaliknya,

kedua-duanya dilihat sebagai satu kesatuan dalam sistem kehidupan. Pendekatan ini mencerminkan kesempurnaan Islam yang merangkumi dasar-dasar kepercayaan, kaedah-kaedah pembaikan sosial, prinsip-prinsip umum perundangan dunia serta pelbagai bentuk perintah dan larangan.

Ketiga, merujuk kepada kajian yang meneliti pemikiran Hasan al-Banna dari perspektif jihad dan nasionalisme. Kelompok ini melihat dakwah Islam sebagai satu amanah besar yang bertujuan membawa manusia ke jalan kebenaran, membimbing mereka ke arah kebaikan serta menerangi dunia dengan cahaya Islam. Dalam pemahaman ini, Islam mengangkat kaum Muslimin sebagai khalifah Allah SWT di hadapan umat manusia, memberikan hak kepimpinan dan kuasa untuk membangunkan peradaban Islam yang berlandaskan nilai rohani dan bukan semata-mata kebendaan. Oleh itu, seorang Muslim sanggup mengorbankan jiwa dan hartanya demi Allah SWT dan menjadikan kehidupannya sebagai wakaf kepada dakwah Islam.

Kelompok kajian keempat melihat pemikiran Hasan al-Banna dari perspektif pendidikan. Pendekatan ini menerapkan pemahaman bahawa seorang pahlawan Islam adalah seorang pendidik, yakni guru yang memiliki semua sifat terpuji yang seharusnya dimiliki oleh seorang guru seperti cahaya, hidayah, rahmat dan kelembutan. Justeru, matlamat utama daripada pembebasan Islam adalah untuk membina tamadun, mencapai kemajuan serta menyediakan arahan dan bimbingan kepada seluruh umat manusia.

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk membentuk satu kesimpulan yang holistik dan terperinci mengenai pemikiran serta pandangan Hasan al-Banna yang ditinjau melalui konsep pembangunan ekonomi Islam. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan ilmiah yang merangkumi aspek falsafah, sistem, prinsip

dan kaedah pembangunan ekonomi. Selain itu, kajian ini juga akan meneroka aspek praktikal pelaksanaan konsep pembangunan ekonomi yang diketengahkan oleh Hasan al-Banna dalam konteks negara Indonesia sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini menghujahkan bahawa permasalahan ekonomi semasa yang ditekankan oleh al-Banna berpunca daripada kegagalan sistem ideologi seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme dalam menawarkan penyelesaian yang menyeluruh terhadap isu-isu ekonomi umat. Dalam erti kata lain, kegagalan ini berakar daripada asas falsafah sekular yang memisahkan nilai moral dan agama daripada kerangka pembangunan, sekali gus menjadikan konsep pembangunan bersifat materialistik dan tidak holistik (Chapra, 2006; Deliarnov, 2016).

Menurut al-Banna, cabaran struktur dan dasar ekonomi yang dihadapi oleh Mesir merupakan kesan langsung daripada pelaksanaan sistem kapitalisme yang tidak adil. Sehubungan dengan itu, timbul keperluan terhadap satu pendekatan dan pemikiran baharu dalam pelaksanaan pembangunan yang memberi penekanan kepada matlamat pembangunan ekonomi manusia (Sen, 1999). Hal ini kerana pembangunan seharusnya mencerminkan perubahan dalam sistem sosial yang selaras dengan keperluan asas dan aspirasi individu serta masyarakat yang sentiasa berubah. Tambahan pula, pelaksanaan pembangunan berasaskan pendekatan konvensional sering kali didominasi oleh teori dan model Barat yang tidak mengambil kira perbezaan konteks nilai, budaya dan sistem sosial dalam sesebuah negara, menyebabkan pelaksanaannya menjadi kurang sesuai dan tidak efektif (Kuncoro, 2010).

Dalam konteks ini, Sen (1999) turut mengingatkan bahawa dalam banyak situasi sosial, pelaksanaan pembangunan memerlukan penyertaan (*participation*) semua pihak untuk menyesuaikan antara pelestarian nilai-nilai tradisional—termasuk fundamentalisme agama dan budaya politik—dengan aspirasi pembangunan ke arah kemodenan. Di samping itu, Todaro dan Smith (2018), juga menegaskan bahawa para ahli ekonomi tidak boleh mengasingkan manusia dan tingkah laku daripada konteks ideologi, latar belakang budaya serta masalah ekonomi yang kompleks dan berlapis. Dalam erti kata lain, Jhingan (2011) menjelaskan bahawa pendekatan pembangunan seharusnya memberi penekanan kepada faktor ekonomi dan bukan ekonomi. Hal ini kerana pertumbuhan ekonomi tidak dapat dicapai sekiranya institusi sosial, keadaan politik dan nilai moral dalam sesebuah negara tidak menyokong proses pembangunan (Greenwood & Holt, 2010).

Oleh itu, keperluan untuk mengasaskan pemikiran dan langkah-langkah pembaharuan kepada pembentukan konsep pembangunan ekonomi Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan Hadis menjadi semakin penting. Al-Banna meyakini bahawa pendekatan ini mampu membawa kepada pembaikan dan penyelesaian terhadap pelbagai permasalahan ekonomi umat. Pemikiran ekonomi sejak awal abad ke-19 hingga abad ke-20 turut diungkap oleh para sarjana ekonomi Islam. Antaranya ialah pandangan Nasr (2019) dan Mannan (1997), yang menjelaskan bahawa paradigma yang membezakan pembangunan ekonomi Islam daripada pembangunan konvensional terletak pada asas falsafahnya. Dalam konteks Islam, falsafah pembangunan ekonomi dibina berasaskan matlamat ketuhanan sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan Hadis dan bukan semata-mata berteraskan matlamat kemanusiaan.

Seorang lagi ulama pemikir yang memberikan sumbangan penting dalam bidang ekonomi ialah al-Şadr (2008). Beliau menjelaskan bahawa ekonomi Islam sebagai alternatif kepada sistem ekonomi kapitalis dan sosialis mestilah berasaskan prinsip keadilan dalam pengagihan untuk semua anggota masyarakat, yang perlu menekankan nilai persamaan, belas kasihan dan berusaha untuk memajukan kebajikan seluruh masyarakat, khususnya golongan miskin dan terpinggir. Penekanan al-Şadr terhadap keadilan dan nilai-nilai kemasyarakatan ini sejajar dengan pandangan bahawa sistem ekonomi tidak seharusnya bersifat bebas nilai. Dalam hal ini, Sasono et al. (1998) menyatakan bahawa sistem ekonomi seharusnya terbina daripada satu set nilai yang berasaskan pandangan falsafah tertentu. Interaksi antara nilai-nilai ini kemudiannya membentuk satu set nilai asas dan nilai instrumental yang menjadi panduan kepada pelaksanaan aktiviti ekonomi dalam sesebuah sistem yang dikehendaki.

Hal ini dilihat selari dengan al-Banna (2012c) yang turut mengemukakan pandangan dan pemikirannya mengenai sistem ekonomi yang secara khusus dibincangkan dalam *Majmu'at al-Rasā'il* di bawah tajuk “Sistem Ekonomi”. Antara lain, beliau menekankan pengajaran tentang betapa pentingnya tekanan ekonomi dalam kehidupan seseorang. Tekanan ekonomi digambarkan sebagai suatu keadaan yang bukan sahaja menyakitkan dari segi emosi tetapi juga menjadi penghalang kepada seseorang dalam memenuhi keperluan asasnya. Seperti yang diungkapkan oleh al-Banna (2012c) dalam kenyataannya yang bermaksud:

“Tidak ada sesuatu yang lebih mudah menggugah hati membangkitkan emosi dan menyakiti perasaan daripada tekanan ekonomi. Ia datang dan mengimpit masyarakat luas sehingga mereka tidak sanggup memenuhi pelbagai keperluan asas untuk bertahan hidup, apatah lagi keperluan sekunder.

Tidak ada krisis yang lebih keras daripada krisis roti (makanan asas rakyat Mesir). Tidak ada tekanan yang lebih membuat dasyat daripada kelaparan

dan kekurangan makanan. Tidak ada keperluan yang lebih mendesak daripada keperluan akan makanan asas dan orang yang sedang dikejar keperluan asas tidak akan berfikir lebih.”

Dalam konteks negara Mesir, al-Banna (2012c) menegaskan bahawa kerajaan mesti mengambil pendirian tegas dalam menghadapi pertembungan antara pelbagai sistem dan teori ekonomi yang sedia ada seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme. Beliau menyarankan agar Mesir melepaskan pergantungan terhadap ideologi-ideologi tersebut dan sebaliknya memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi yang berlandaskan kaedah dan panduan Islam yang agung, bersumberkan wahyu dan berpedoman kepada ajaran-Nya. Pendekatan ini diyakini dapat menyelamatkan Mesir daripada pelbagai kelemahan dan kekurangan yang terkandung dalam teori-teori ekonomi konvensional tersebut serta membolehkan segala permasalahan ekonomi negara diselesaikan dengan lebih segera dan menyeluruh.

Pandangan kritis al-Banna (1999) dalam aspek ekonomi turut direkodkan di bawah pelbagai tajuk dalam memoir Hasan al-Banna, yang merangkumi pelbagai kesempatan ceramah dan transkrip pidato. Antara yang menarik perhatian ialah catatan dalam senarai semakan rutin, sama ada pada hari Selasa mahupun Khamis. Namun demikian, perbincangan mengenai ekonomi oleh Hasan al-Banna masih banyak tertumpu kepada aspek fiqh, sebagaimana lazimnya pandangan yang lahir daripada seorang ulama pemikir (Kahf, 2003). Keadaan ini telah menyebabkan banyak pandangan ekonomi beliau yang berpotensi membentuk satu kerangka ilmu ekonomi kontemporari kurang diberi perhatian dan tidak dikaji secara mendalam.

Pernyataan yang selari dengan pandangan Kahf (2003) turut dikemukakan oleh Rahardjo (2002). Menurutnyanya, pemikiran ekonomi para ulama Islam terdahulu seperti Ibn Khaldun, al-Ghazālī dan al-Mawardi lebih cenderung kepada perbincangan dalam

kerangka *fiqh mu'ammalah* dan kalam, atau dalam istilah lain, teologi ekonomi yang menekankan aspek moral dan etika dalam ekonomi. Begitu juga, Shiddiqi (2002) menyatakan bahawa perkembangan dalam kebanyakan kajian sejarah pemikiran ekonomi Islam masa kini banyak berpunca daripada penerokaan terhadap pandangan ekonomi para ulama yang dikenali sebagai ahli *fiqh*. Keadaan ini menyebabkan pemikiran mereka mengenai ekonomi tidak dikategorikan secara formal sebagai sebahagian daripada konsep ekonomi dalam kerangka ilmu ekonomi moden.

Oleh itu, sejak Zaman Keemasan Islam (*the Golden Age of Islam*) pada era Nabi Muhammad SAW sehinggalah ke zaman pembekuan dan kegelapan (*the Dark Age*) selepas kejatuhan Khilafah Turki Uthmaniyyah, umat Islam masih belum memiliki satu kerangka sistem ekonomi Islam yang jelas dan tersusun. Sasono et al. (1998) menekankan bahawa adalah menjadi tanggungjawab dan ujian besar bagi para pemikir Islam era moden untuk menghidupkan semula sistem ini, iaitu dengan meneroka nilai-nilai Islam yang boleh dijadikan asas kepada sistem ekonomi negara-negara Islam di seluruh dunia, terutama dalam konteks krisis kehidupan yang ditimbulkan oleh dominasi sistem ekonomi kapitalis-individualistik dan marxis-sosialis. Ringkasnya, permasalahan semasa yang timbul daripada pembangunan ekonomi konvensional dan ekonomi Islam dirumuskan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 Permasalahan Semasa Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam

Ekonomi Konvensional	Ekonomi Islam
Ketidakseimbangan sosial dan ekonomi seperti ketidakseimbangan distribusi kekayaan, kemiskinan dan jurang sosial yang semakin melebar	Kurangnya implementasi dalam Negara majoriti penduduk Islam, sehingga belum mampu menerapkannya secara meluas
Kecacatan struktur dan sekularisme seperti mencabut nilai moral dan agama dalam pembangunan	Ketidaksinambungan kajian ekonomi Islam (teori) dengan sumber utama iaitu al-Qur'an dan Hadis

Dominasi Nilai Barat dalam teori ekonomi konvensional menyebabkan ketidaksesuaian dalam pelaksanaannya di negara bukan Barat	Kurangnya kesedaran institusional, sehingga perlu pendekatan interdisipliner untuk menyatukan sains moden dengan nilai agama agar tercipta sistem ekonomi Islam yang berfungsi secara menyeluruh
Pertumbuhan ekonomi (GDP, per kapita) tidak otomatis meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat	

Dalam konteks Indonesia, wacana untuk meneroka sistem ekonomi Islam sebagai alternatif dalam memperkukuh ekonomi negara mula mendapat perhatian khusus selepas krisis ekonomi yang melanda negara tersebut. Krisis ini turut menyaksikan kejatuhan pemerintahan Presiden Soeharto dan peralihan kuasa kepada B. J. Habibie. Usaha ke arah pengembangan sistem ekonomi Islam ini diharapkan dapat membantu memulihkan kestabilan ekonomi negara yang sebelum itu terjejas teruk akibat ketidaksamaan agihan sumber serta ketidakseimbangan dalam struktur ekonomi⁴ (Ariadi & Sugiarto, 1999).

Pada masa ini, isu pembangunan ekonomi Islam terus dibangkitkan di Indonesia, meskipun masih merupakan salah satu sektor dalam agenda pembangunan negara secara keseluruhan. Namun secara rasmi, melalui Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional/Badan Perencanaan Pembangunan Nasional (Kementerian PPN/BAPPENAS), Indonesia telah merangka “*Masterplan Ekonomi Syariah Indonesia 2019–2024*”. Pelan ini memberi fokus kepada pelaksanaan ekonomi Islam dalam sektor ekonomi sebenar, khususnya dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan, yang dijangka dapat menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi negara.

⁴ Pertumbuhan ekonomi Indonesia (*high performing Asian economies*) rata-rata di atas 6-7% per tahun (1974-1998), namun data BPS (1994) menunjukkan bahawa sampai tahun 1994 angka nisbah gini bandar lebih tinggi daripada luar bandar.

Sehubungan itu, kajian ini secara khusus meneliti sama ada pelbagai pandangan dan pemikiran Hasan al-Banna mengenai ekonomi yang dapat dibangunkan sebagai satu konsep ilmu dalam pembangunan ekonomi Islam yang merangkumi empat pendekatan ilmiah utama. Hal ini selaras dengan penjelasan Wijaya (2009), yang menyatakan bahawa ilmu ekonomi perlu dibina berasaskan satu falsafah tertentu yang mencakupi empat aspek utama, iaitu epistemologi, ontologi, metodologi dan moraliti⁵. Hal ini penting bagi memastikan konsep pembangunan ekonomi yang dibina tersebut membawa kepada pembaharuan bagi pembaikan ekonomi umat dan mengembalikan kejayaan umat Islam.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dirungkaikan, terdapat beberapa persoalan yang dapat dibangkitkan dalam kajian ini, iaitu:

- i. Apakah konsep pembangunan ekonomi yang dikemukakan oleh Hasan al-Banna?
- ii. Adakah konsep pembangunan ekonomi yang dibina Hasan al-Banna mencakupi falsafah, sistem, prinsip dan kaedah pelaksanaan yang praktikal?
- iii. Bagaimanakah pelaksanaan amalan ekonomi berdasarkan konsep pembangunan ekonomi Hasan al-Banna boleh diaplikasikan di Indonesia?

⁵ Epistemologi, menerangkan bagaimana sesuatu konsep terbentuk; ontologi, merujuk kepada realiti asas dan bagaimana kenyataan itu difahami; metodologi, merangkumi kaedah yang digunakan untuk memperoleh pengetahuan yang sah dan boleh dipercayai; serta moraliti, menekankan tujuan ilmu untuk kesejahteraan umat manusia.

1.5 Objektif Kajian

Merujuk kepada persoalan kajian yang dibentuk, kajian ini secara umum bertujuan untuk meneroka konsep pembangunan ekonomi mengikut pandangan Hasan al-Banna. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti konsep pembangunan ekonomi berteraskan Islam berdasarkan pandangan Hasan al-Banna.
- ii. Menganalisis konsep pembangunan ekonomi Hasan al-Banna sebagai satu konsep yang mencakupi falsafah, sistem, prinsip dan kaedah pelaksanaan yang praktikal.
- iii. Meneroka potensi aplikasi pelaksanaan amalan ekonomi di Indonesia berdasarkan konsep pembangunan ekonomi menurut pandangan Hasan al-Banna.

1.6 Definisi Operasional

Kajian ini mencakupi lima tema utama. Tema yang dimaksudkan ialah pembangunan ekonomi, falsafah pembangunan ekonomi, sistem pembangunan ekonomi, prinsip pembangunan ekonomi dan kaedah pembangunan ekonomi. Oleh itu, untuk menjelaskan maksud tema yang digunakan dalam kajian ini, maka definisi operasional bagi setiap tema dijelaskan dengan terperinci dalam bahagian ini.

1.6.1 Pembangunan Ekonomi

Pengertian pembangunan ekonomi telah mengalami perubahan makna yang semakin luas seiring dengan perkembangan zaman. Berbeza dengan perspektif ahli-ahli ekonomi abad ke-20 yang mentakrifkan pembangunan ekonomi sebagai peningkatan pertumbuhan ekonomi yang tertumpu kepada keluaran negara atau

agregat pengeluaran barangan dan perkhidmatan, pemahaman moden lebih menekankan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Menurut Greenwood dan Holt (2010), ukuran pertumbuhan ekonomi seperti pendapatan per kapita tidak semestinya mencerminkan peningkatan kualiti hidup. Sebaliknya, pembangunan ekonomi harus dilihat sebagai satu proses peningkatan kesejahteraan secara menyeluruh dan berterusan dalam taraf hidup individu dalam sesebuah komuniti.

Todaro dan Smith (2018) pula mentakrifkan pembangunan ekonomi sebagai satu proses di mana sesebuah negara berusaha meningkatkan kesejahteraan ekonomi, politik dan sosial rakyatnya melalui pelbagai inisiatif yang berterusan termasuk peningkatan taraf kehidupan, pengurangan kemiskinan dan peningkatan pendapatan negara. Dalam konteks yang lebih luas, Yin et al. (2022) menegaskan bahawa penilaian holistik terhadap pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial perlu mengambil kira pelbagai faktor penting dalam trajektori pembangunan sesebuah negara termasuk jangka hayat, pencapaian pendidikan, pengagihan pendapatan, kualiti alam sekitar serta keterangkuman sosial.

Berdasarkan perspektif Islam, Mannan (1997) menyatakan bahawa konsep pembangunan ekonomi Islam berasaskan motivasi falsafah yang tidak hanya bertumpu kepada matlamat kemanusiaan tetapi juga berlandaskan matlamat ketuhanan sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan Hadis. Oleh itu, dalam kajian ini, pembangunan ekonomi ditakrifkan sebagai satu proses pembaikan umat berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan ajaran al-Qur'an dan Hadis serta selari dengan perkembangan ekonomi semasa. Takrifan ini juga mencerminkan pemikiran Hasan al-

Banna yang menekankan kepentingan prinsip-prinsip Islam dalam membangunkan sistem ekonomi yang adil dan lestari.

1.6.2 Falsafah Pembangunan Ekonomi

Falsafah ekonomi mengikut Dow (2021) merangkumi kajian terhadap asas epistemologi dan nilai-nilai normatif yang mendasari pembentukan teori ekonomi. Pendekatan ini turut menuntut suatu metodologi yang bersifat pluralistik dan reflektif bagi menangani kerumitan realiti ekonomi secara lebih holistik. Sehubungan itu, Julian (2013) menegaskan bahawa pemahaman terhadap metodologi serta konsep dan teori ekonomi adalah penting kerana ia membolehkan ahli-ahli ekonomi mengenal pasti, mentafsir dan seterusnya membina model terhadap aktiviti atau fenomena ekonomi yang dikaji.

Falsafah pembangunan ekonomi dalam kajian ini merujuk kepada asas daripada konsep dan sistem pembangunan ekonomi yang dibina Hasan al-Banna sebagai landasan berfikir dan tindakan perbaikan umat dalam bidang ekonomi dengan mengambil intipati sumber ajaran Islam iaitu al-Qur'an dan Hadis. Definisi falsafah pembangunan ekonomi Islam sebegini merupakan sebahagian daripada skop perbincangan yang lebih luas dalam falsafah Islam secara umum. Dalam hal ini, falsafah Islam sepanjang sejarahnya menunjukkan keterkaitan yang mendalam dengan al-Qur'an dan Hadis, bukan sahaja sebagai sumber inspirasi tetapi sebagai asas tafsiran falsafah. Ia bukan tradisi asing dalam pemikiran Islam, sebaliknya merupakan kerangka intelektual yang berakar kuat dalam wahyu (Nasr & Leaman, 1996).